

BAB V

P E N U T U P

Buat akhirnya, di dalam bab ini penulis akan mengadakan kesimpulan dan saranan-saranan berdasarkan apa yang telah dibentangkan. Setelah pembentangan dibuat, ternyata guru-guru far dhu ^Cain wanita memainkan peranan penting dan turut menyumbangkan saham bagi membimbing kaum Hawa mengenali Islam.

A. KESIMPULAN,

Ditinjau dari sudut masyarakat Tumpat, adalah jelas bahwa mereka memerlukan santapan rohani dan ^Cilmu-^Cilmu keagamaan sebagai panduan menjalani kehidupan di dunia dan menjamin kebahagiaan di akhirat. Sesungguhnya setiap individu tidak terlepas dari godaan syaitan pada setiap ketika dan saat. Untuk itu keteguhan serta kekentalan ^Caqidah Islam diperlukan bagi menyucikan mereka dari perkara-perkara yang dimurkai Allah.

Menyedari hakikat inilah maka hadirnya kaum wanita ke gelanggang da^Cwah berserta dengan usaha-usaha yang jitu, bermodal sokongan dari pihak-pihak tertentu dan para pelajar sendiri di samping bertemankan kekuatan ^Caqidah. Munculnya situasi ini adalah bertolak dari kesedaran yang tumbuh bahawa berda^Cwah dan menyampaikan ^Cilmu-^Cilmu agama itu merupakan suatu kewajipan, juga ketandusan penglibatan wanita di dalam menjayakannya.

Asas keperibadian muslim itu bermula di rumah. Di bawah asuhan kaum ibulah akan memastikan terbinanya masyarakat Islam yang sebenar. Oleh itu, golongan wanita perlu disediakan dengan pengetahuan Islam dengan harapan generasi kini dan seterusnya mempunyai kekuatan iman dan kekudusan peribadi.

Meskipun kerosakan moral masih berlegar di dalam masyarakat Tumpat, namun kehadiran kelas-kelas fardhu ^Cain wanita telah berjaya mewujudkan penghayatan Islam di kalangan para pelajarannya. Semakin ramai dari pendengar dan penadah kitab yang menjalani kehidupan secara Islam. Pengetahuan yang diperolehi dari situ juga membolehkan mereka mencernakannya di dalam membentuk keluarga mengikut kehendakNya. Keadaan ini tentunya akan menggalakkan pertumbuhan individu yang berbudi luhur.

Kelas-kelas fardhu ^Cain wanita dikatakan berjaya kerana mampu memberikan kefahaman yang berkesan dan menepati matlamatnya. Ini adalah kerana ia dikhususkan pengajaran oleh guru-guru wanita untuk para pelajar wanita. Guru-guru juga mencurahkan ^Cilmu mereka berasaskan kemampuan para pelajar.

Meskipun begitu, kedapatan juga pelbagai masalah yang dihasilkan sepanjang kelas ini berlangsung. Ianya tidaklah terlalu sukar untuk dihindari seandainya mendapat inisiatif dari semua pihak. Mereka yang terlibat perlulah peka terhadapnya serta berusaha mencari titik penyelesaiannya. Ketiadaan permasalahan

tersebut, tentunya akan lebih menjamin dan mempertingkat mutu pencapaian pelajar-pelajar.

Tidak dinafikan usaha-usaha guru-guru fardhu ^Cain wanita telah berhasil menuju ke arah jaya di dalam bidang penda^Cwa_{han} melalui kelas-kelas pengajaran mereka. Walaupun begitu, beberapa kelemahan perlulah dijaui bagi menjanjikan kejayaan seterusnya.

Sesungguhnya kerja-kerja da^Cwah perlulah diberikan perhatian sentiasa. Hal ini tidak boleh dianggap sesuatu yang remeh memandangkan kejayaannya memerlukan masa, kesabaran serta dilengkapi dengan keperluan-keperluannya. Ciri-ciri berda^Cwah yang dipamirkan oleh Rasulullah s.a.w. perlulah dikenali untuk dijadikan panduan dan ukuran bagi memetik buah kejayaan.

B. SARANAN-SARANAN.

Tidak dinafikan kelas-kelas fardhu ^Cain wanita telah menampakkan kejayaannya di dalam berda^Cwah melalui ^Cilmu-^Cilmu agama. Meskipun begitu, ianya masih didalangi oleh beberapa kekurangan dan permasalahan.

Untuk itu, penulis ingin mengutarakan beberapa saranan yang telah dikemukakan oleh tenaga pengajar, para pelajar dan penulis sendiri demi kebaikan bersama dan menambahkan lagi kejayaan yang telah sedia ada.

Saranan-saranan yang ditujukan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan dan Kemajuan Masyarakat ialah:

1. Menambahkan lagi jumlah guru-guru fardhu ^Cain wanita di Jajahan Tumpat. Kewujudan kelas-kelas fardhu ^Cain wanita yang menyeluruh akan menyenangkan lagi para pelajar untuk mengunjunginya. Guru-guru juga dapat memberikan tumpuan yang lebih terhadap kelas-kelas kelolaan mereka yang tidak terlalu banyak jumlahnya.

2. Publisiti bagi kelas-kelas ini haruslah diperluaskan kepada masyarakat. Pemberitahuan tersebut bolehlah dilakukan secara menyebarkan kertas-kertas jadual yang menunjukkan perjalanan kelas-kelas fardhu ^Cain wanita serta sukatan pelajarannya.

3. Pihak berwajib juga perlulah merancang dan meningkatkan mutu program yang berjalan di kelas-kelas fardhu ^Cain wanita agar menjadi lebih menarik untuk diikuti oleh para pelajar.

4. Penggunaan peralatan juga perlu bagi membantu kejayaan kelas-kelas tersebut seperti penyertaan papan hitam, mikrofon, gambar-gambar dan sebagainya. Ini menjadikan corak pembelajaran semakin menarik, juga membantu meningkatkan lagi kehadiran orang ramai amnya dan bella khasnya ke kelas-kelas begini.

5. Mengadakan kelas-kelas bimbingan untuk para guru. Mengemaskinikan teknik pengajaran mereka agar berupaya menyampaikan ^Cilmu secara berkesan serta menggunakan pendekatan yang tepat.

6. Mengadakan mini perpustakaan bagi setiap kelas fardhu ^Cain wanita untuk dijadikan sumber rujukan dan sebagai tempat pelajar-pelajar mengisi masa lapang mereka.

Berikutnya ialah saranan-saranan yang ditujukan kepada guru-guru fardhu ^Cain wanita. Di antaranya ialah:

1. Guru-guru hendaklah sentiasa beristiqamah dan banyak bersabar di dalam melaksanakan tugas mereka. Tidak mudah tunduk kepada sebarang penentangan yang menghalang usaha murni mereka itu. Sebagaimana yang ditegaskan oleh ^CAbdullah Nasih UI

wan iaitu, "hendaklah dia (guru) itu bersabar atas penganiayaan supaya dia tidak putus asa atau pun menyerah kalah disebabkan apa yang ditemuinya dari kedegilan orang-orang yang menegkat diri atau kedegilan orang-orang yang bodoh".¹ ini bertepatanlah dengan nasihat Luqman Al Hakim kepada puteranya yang terdapat di dalam Al Qur'an iaitu:

يَبْنِيْ اَقِمِ الصَّلَاةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاَصْبِرْ عَلَى مَا اَصَابَكَ اِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

Ertinya: "Wahai puteraku! Dirikanlah sembahyang, suruhlah berbuat baik dan cegah perbuatan yang jahat serta bersabarlah atas apa yang menimpamu".

Surah Luqman: 17

2. Waktu pembelajaran hendaklah ditambah masanya untuk memberikan kesempatan yang lebih kepada guru-guru fardhu^c ain wanita memberikan ma^clumat. Para pelajar juga mempunyai peluang yang panjang untuk mengemukakan persoalan kepada guru-guru tersebut.

3. Guru-guru hendaklah menjadikan kelas-kelas fardhu^c ain mereka lebih selesa, kemudahan pembelajaran tersedia serta memberangsangkan lagi suasana untuk belajar. Keadaan ini juga akan menggalakkan kunjungan orang ramai ke kelas tersebut.

^{1c} Abdullah Nasih Ulwan, Tarbiatul Aulad Fil Islam; terjemahan oleh Syed Ahmad Semait, Pendidikan Anak-Anak Di Dalam Islam, Singapura: Pustaka nasional PTE. LTD., jilid 2, cet.1, 1988, hal.455.

4. Guru-guru fardhu ^Cain wanita memainkan peranan penting bagi menjayakan kelas-kelas mereka. Penyampaian mereka mestilah jelas, berkesan dan mudah difahami. Sifat ramah dan ikhlas mereka juga membantuk ke arah itu.

5. Mereka juga mestilah terdiri dari individu yang betul-betul memahami dan menguasai ^Cilmu-^Cilmu Islam khususnya yang termaktub di dalam sukatan pengajaran mereka. Sebarang pertanyaan dari pendengar dan penadah kitab akan dapat dijawab dengan tepat, serta berhikmah, beralaskan ayat-ayat Al Qur'ān, hadis atau pendapat ulama'. Kekemasan jawapan juga akan lebih menyakinkan para pelajar terhadap keunggulan Islam.

6. Pencapaian para pelajar yang terdiri dari pendengar dan penadah kitab haruslah sentiasa di dalam pemerhatian guru guru. Dengan ini langkah-langkah ke arah keberkesanan pembelajaran dapat disusun dan diatur.

7. Isi-isi pengajaran hendaklah bermanfa^Cat bagi kehidupan di dunia dan di akhirat. Semoga tiada lagi wujud segelintir masyarakat pelajar yang merasakan kelas-kelas tersebut hanya bermatlamatkan kehidupan di akhirat sahaja. Guru-guru hendaklah bijak menjelaskan intipati Islam yang bergandingan antara aspek keduniaan dan keagamaan².

^{2C} Abdul Qadir ^C Audah, Al Islam Baina Jahlu Abnāihī Wa
^C Ajāzu ^C Ulamāihī, Riadh: Ar Riasah Al Ammah, t.c., 1984, hal.9.

8. Memilih masa yang sesuai bagi menjamin para pelajar tidak mempunyai alasan untuk menguzurkan diri. Contohnya kelas diadakan juga pada hari Juma^cat yang ditukar dengan hari selainnya. Ini memberi peluang kepada penuntut-penuntut sekolah dan pekerja-pekerja pejabat menyertainya.

9. Bentuk pengajaran hendaklah disertakan bersama praktikal ^cibadah iaitu guru-guru memberikan hakikat sebenar pelaksanaan sesuatu ^cibadah. Contohnya cara-cara mengerjakan sembahyang, memandikan mayat, mengerjakan haji dan sebagainya. Para pelajar juga akan mendapat kefahaman yang lebih jelas dan mendalam.

10. Bagi menjamin keberkesanan pembelajaran, guru-guru haruslah memiliki suara yang menimbulkan kesan di hati, biasanya perkara bukan lisan yang bersabit dengan pertuturan. Contohnya nada suara, kelangsingan, gaya, kadar penyampaian serta kelicinan aliran pertuturan.

11. Menghubungkan situasi belajar dengan kehidupan yang sebenar. Guru-guru fardhu ^cain perlulah memikirkan secara kritis kontek yang akan dilaksanakan. Mengajak murid-murid menyelidik dan menemukan persoalan yang dicari. Seterusnya menuju ke arah kefahaman dan peringatan.³

³Dr. ^cAbdul Rahman Shaleh, Didaktik Pendidikan Agama, Jakarta: Bulan Bintang, cet. ke 8, 1976, hal. 24.

Berikutnya penulis menunjukkan saranan-saranan untuk direnungi oleh masyarakat pelajar khususnya pendengar dan penadah kitab iaitu:

1. Para pelajar haruslah menyertakan bersama ^Cakal dan hati mereka ke kelas-kelas fardhu ^Cain wanita. Ini adalah kerana kesediaan belajar itu merupakan kombinasi kematangan, kebolehan, kecenderungan dan faktor lain yang menyebabkan seorang itu bersedia mempelajari sesuatu.⁴ Sikap terikut-ikut dengan suasana semasa untuk ke kelas tersebut dari ~~suatu~~ sudut ada baiknya. Namun begitu, kesan yang diperolehi hasil kunjungan yang tidak ikhlas itu sukar membuahkan hasil sebagaimana yang diharapkan.

2. Pendengar dan penadah kitab hendaklah bersikap terbuka, ringan bertanya apa yang kurang difahami serta mencurahkan apa yang kurang disenangi. Semoga dapat dibincangkan bersama untuk mendapatkan penyelesaiannya. Sikap menyepi diri menyebabkan guru-guru tidak dapat menghidu permasalahan mereka.

3. Para pelajar tidak seharusnya bersikap diskriminasi di kalangan mata pelajaran yang diajarkan kerana semua mata pelajaran tersebut saling bantu membantu dan menjadi kewajipan ke atas umat Islam untuk mempelajarinya. Ini bertepatanlah dengan

⁴Sharifah Alwiah Alsagoff, Ilmu Pendidikan: Pedagogi, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (ASIA) LTD., cet. 11, 1984.

kata-kata Al Ghazali iaitu, "seseorang pelajar itu tidak meninggalkan satu mata pelajaran pun dari ^cilmu pengetahuan yang terpuji selain dia memandang kepada maksud dan tujuan dari masing-masing ^cilmu itu".⁵

4. Memandangkan jumlah mereka yang mengikuti kelas-kelas fardhu ^cain wanita tidak merangkumi kesemua wanita, maka menjadi tugas pendengar dan penadah kitab menjemput mereka yang masih enggan mengikutinya. Tugas ini perlulah dijalankan segara berdiplomasi.

5. Kaum ibu juga haruslah bijak menanamkan minat anak-anak gadis mereka terhadap kelas-kelas fardhu ^cain wanita. Sebarang bentuk hukuman berunsurkan pengajaran perlulah dikenakan juga seandainya mereka enggan berbuat demikian. Ianya tidak bersalahan dengan sabda Rasulullah s.a.w:

مروا اولادكم بالصلاة وهم أبناء سبع سنين واضربوهم عليها

وهم أبناء عشر

Ertinya: "Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang apabila mereka mencapai usia tujuh tahun dan pukuliah mereka kerana tidak bersembahyang apabila mencapai usia sepuluh tahun".⁶

(Riwayat Abu Daud dan Al Hakim)

⁵ Imam Al Ghazali, Ihya' ^cUlumuddin; terjemahan oleh Prof. T.K.H. Islah Yakub SH, Kuala Lumpur: Victory Ajensi, cet, ke 5, 1977, hal. 199.

^{6c} Abdullah Nasih ulwan, op.cit., hal. 322.

C. PENUTUP.

Pada umumnya dapatlah dikatakan guru-guru fardhu ^Cain wanita merupakan salah satu faktor yang mendorong ke arah terbentuknya fenomena Islam di dalam masyarakat Tumpat. Biar pun titisan bakti yang mereka hulurkan itu masih dipandang sepi oleh segelintir kaum wanita.

Tugas mereka akan lebih berjaya lagi seandainya diiringi oleh strategi yang tepat dan betul. Justeru itu, pihak-pihak tertentu perlulah sentiasa menganalisa permasalahan berbangkit hasil dari kelas-kelas tersebut dengan tujuan mengemaskinikan jalan-jalan ke arah tercapainya kemurnian rohani dan moral menurut Islam. Telah ternyata, kerosakan timbul di dalam sejarah lantaran manusia mengingkari perintah Tuhan. Untuk itu, seluruh konsep hidup haruslah dikembangkan selaras dengan paradigma Islam.

Adalah diharapkan lebih ramai lagi guru-guru fardhu ^Cain wanita muncul untuk mendefiniskan masyarakat dengan kaca mata Islam. Seterusnya mencetuskan kebangkitan Islam di dalam seggenap bidang kehidupan.

Harapan ini hanya akan menjadi kenyataan sekiranya mendapat sokongan moral dari pihak wanita sendiri. Ini adalah kerana di tangan merekalah terbentuknya tunas-tunas harapan yang bakal mencorakkan dunia dengan warna-warna keislaman. Sesungguhnya

gunya asas pembentukan pribadi muslim itu bermula di rumah.

Buat akhirnya, penulis berdoa agar guru-guru fardhu 'ain wanita akan terus maju ke hadapan bertemankan usaha yang sigih serta kesabaran. Selaut budi yang mereka curahkan itu pastinya mendapat ganjaran mulia di sisi Allah, insya Allah.